



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK J.M.AZIZ DAN
T.ALIAS TAIB**

FBMK 2004 21



**NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK
J.M. AZIZ DAN T. ALIAS TAIB**

NYIA SEE KENG

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2004



DEDIKASI

- Kurangkumkan syukur kepada Allah; anugerah hidayah, bakat, kekuatan mengajak aku sentiasa muhasabah dan mengagumi kebesaran-Mu.

- Kuhimpun kasih menyinari hidup buat anakanda tercinta, Danial Nyia Juhan kerana hadirmu membahagiakan baba dan mama.

- Kuanyam indah cintamu, Tasnim bt Mohd Annuar; isteri menjalin dua hati menjadi satu. Ikhlas mutiara bicaramu menyirami benih kepercayaan perkasa cinta suci. kau telahku pilih, lalu kau kucintai selamanya.

- Kuhimpun kasih sayang buat papa Nyia Tong Sing, mama Tan Ai Guan, Abah Mohd Annuar b. Mat Taib, Emak Aishah bt Hj. Abdullah; kerana tidak jemu menyemai kasih, merestui dan menyayangi diri ini.

- Kupupuk rasa hormat buat kakak Nyia Pey Jing dan abang Ipar Tan Hock Chuan; sentiasa kaya dengan senyuman, nasihat dan mengukuh ikatan kekeluargaan kita.

- Kupupuk kasih buat adik-adik; Nyia See Thai, Nyia See Cheang, Shakirah bt Mohd Annuar, Najidah bt Mohd Annuar, Firdaus bt Mohd Annuar, Naimah bt Mohd Annuar

*KEJAYAAN INI KUABADIKAN KEPADA KALIAN SEMOGA BERTAMU
KASIH SEMERBAK MEWANGI KEBAHAGIAAN HAKIKI ~ AMIN.*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah Master Sastera

**NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK
J. M. AZIZ DAN T. ALIAS TAIB**

Oleh

NYIA SEE KENG

November 2004

Pengerusi : Kamaruzzaman Abdul Kadir

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini meneliti nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib (kini Allahyarham) yang ditulis dari dekad 60-an hingga 80-an. J.M. Aziz dan T. Alias Taib merupakan dua orang penyair Terengganu yang prolific dan amat terkenal dalam perkembangan puisi di Malaysia.

Kajian ini berdasarkan dua buah buku sajak iaitu "*Derita Seorang Seniman*" oleh J.M Aziz dan "*Pemburu Kota*" oleh T. Alias Taib yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib yang ditulis pada dekad-dekad tersebut banyak mengungkapkan nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu, satu kajian menyeluruh tentang nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam sajak-sajak kedua-dua penyair tersebut amat penting untuk dilaksanakan.

Hasil keseluruhan kajian ini membuktikan bahawa sajak-sajak J.M Aziz dan T. Alias Taib sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti ketabahan,

kerajinan, bertanggungjawab, keadilan, mempercayai tuhan, kasih sayang dan kesyukuran.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan di antara sajak kedua-dua penyair ini dari sudut nilai-nilai kemanusiaan, personifikasi, bahasa dan bentuk, pengulangan perkataan, unsur-unsur syair dan pantun yang terkandung di dalamnya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as
fulfilment of the partial requirements for the degree of Master of Arts

**HUMANITY VALUES IN THE POEMS BY
J.M. AZIZ AND T. ALIAS TAIB**

By

NYIA SEE KENG

November 2004

Chairman : Kamaruzzaman Abdul Kadir

Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis evaluates and analyzes humanity values in the poems written by (the late) J.M. Aziz and T. Alias Taib in the 60's and 80's. J.M Aziz and T. Alias Taib are two poets from Terengganu who are prolific and distinguished in the world of poetry in Malaysia.

This dissertation is based on their selection of poems : "*Derita Seorang Seniman*" by J.M. Aziz and "*Pemburu Kota*" by T. Alias Taib and both are published by Dewan Bahasa and Pustaka. The poems by J.M. Aziz and T. Alias Taib during those decades highlighted a lot of humanity values. Therefore, a complete research on those values in their poems should be conducted.

The conclusion of the whole research proves that the poems written by J.M. Aziz and T. Alias Taib strongly emphasize on humanity values. For example, courageous, diligent, responsibility, fairness, belief in God, love and grateful.

Besides that, there is also some similarities and contrasts between the poems of these two poets in humanity values, personification, language and shape, repetition of words, elements of *pantun* and *syair* which contain in the poems.

PENGHARGAAN

Pertamanya bersyukur saya kehadiran Illahi kerana dengan izin-Nya telah memberi kekuatan dan kesabaran kepada saya untuk menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan rintangan, saya bersyukur kerana dapat menyiapkannya dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih wangian kasturi kepada pensyarah yang tidak pernah jemu membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya iaitu Encik Kamaruzzaman bin Abdul kadir, Dr Ramli bin Isin dan Encik Mohd. Kasim Ismail.

Terima kasih kepada penyair T. Alias Taib, ahli keluarga Allahyarham J.M. Aziz dan rakan-rakan penulis PELITA yang sentiasa menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Akhir kata, Semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk datangnya daripada diri saya dan segala yang baik datangnya daripada-Nya.

Sekian, terima kasih.

NYIA SEE KENG

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Nyia See Keng telah mengadakan peperiksaan akhir pada 8hb November 2004 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk "Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Samsina Abdul Rahman, Ph.D.

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Sujud, Ph.D.


Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Abdul Rahim Marasidi, Ph.D.

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hashim Ismail, Ph.D.

Timbalan Pengarah
Akademik Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)


ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D.
Profesor/Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 FEB 2005

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Kamaruzzaman Abdul Kadir

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramli Isin, Ph.D.

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Kasim Ismail

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 MAR 2005



PERAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini adalah berdasarkan kepada hasil kerja asli saya kecuali untuk petikan dan kutipan yang telah dinyatakan rujukannya dengan jelas. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini atau bersama-sama ini untuk mana-mana ijazah di UPM atau institusi-institusi selain dsaripada UPM.



NYIA SEE KENG

Tarikh: 18-2-2005

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
BAB	
I. PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	5
Pembatasan Kajian	6
Kaedah Kajian	10
Konsep Nilai	11
Konsep Kemanusiaan	15
Rumusan	24
II. KAJIAN LITERATUR	25
Pengenalan	25
Kajian Secara Umum	26
Kajian Secara Khusus	29
Rumusan	35
III. METODOLOGI KAJIAN	37
Pengenalan	37
Sejarah Kemunculan Pendekatan Moral	38
Konsep dan Ciri-Ciri Pendekatan Moral	42
Rumusan	45

IV. ANALISIS NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK J.M. AZIZ DAN T. ALIAS TAIB	46
Pengenalan	46
Ketabahan	48
Kerajinan	60
Bertanggungjawab	65
Keadilan	75
Mempercayai Tuhan	83
Kasih Sayang	91
Kesyukuran	101
Persamaan dan Perbezaan	108
Nilai-nilai Kemanusiaan	108
Ketabahan	108
Kerajinan	109
Bertanggungjawab	110
Keadilan	112
Mempercayai Tuhan	114
Kasih Sayang	115
Kesyukuran	117
Personifikasi	118
Bahasa	120
Pengulangan	123
Anafora	123
Epifora	129
Simplok	130
Bentuk	131
Rumusan	137
V. KESIMPULAN	139
Pengenalan	139
Rumusan Kajian Keseluruhan	139
BIBLIOGRAFI	146
BIODATA PENULIS	151

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada manusia. Sastera adalah cerminan masyarakat dan nilai kemanusiaan. Permasalahan manusia menjadi intipati utama dalam penghasilan kesusasteraan. Kesusasteraan dianggap sebagai satu ekspresi hidup iaitu ekspresi yang penting tentang kemanusiaan yang digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia.

Hal ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad (1992:147) menyatakan kesusasteraan adalah bertonggakkan kemanusiaan dalam segala dimensinya. Manakala Usman Awang (1970:238) menyatakan Bicara tentang sastera, tidak lain daripada bicara tentang manusia. Dan berbicara tentang manusia bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya. Ertinya, karya sastera merupakan cerminan nilai-nilai kemanusiaan yang dihasilkan oleh manusia.

Sastera Melayu tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan cerita rakyat telah memulakan tradisi didikan serta penerapan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat. Sastera Melayu moden seperti novel, cerpen dan sajak meneruskan kesinambungan penerapan didikan dan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat.

Sajak yang pertama dihasilkan oleh Pungguk atau Muhammad Yasin Bin Mamor. Sajak Pungguk telah disiarkan dalam Majalah Guru pada tahun 1934. Antara sajak-sajak beliau yang terawal disiarkan dalam majalah tersebut ialah “Keluh Kesah”, “Selalu Merayu”, “Tak Disangka-sangka”, “Pujukan Hati”, dan “Ibuku”. Ini dapat dibuktikan melalui kenyataan di bawah.

“Puisi Melayu di Malaysia mengikut sepanjang penyelidikan saya sehingga kini bermula dalam tahun 1934. Sajak yang awal sekali terbit dalam Majalah Guru, Sebuah majalah bulanan yang diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Sekolah Melayu, dalam bulan Mac 1934 oleh seorang penyair yang Memakai nama Pungguk.” (Alis Murni 1962: 15)

Pada tahun 1950-an, Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) telah melahirkan sajak-sajak kemanusiaan. Penyair-penyair ASAS 50 menganggap sastera penting dan di dalamnya harus dimasukkan hal-hal berkaitan kemanusiaan. Ini selaras dengan pendapat Muhammad Haji Salleh (1986: 198) bahawa

hampir seluruh pemusatan tema yang dipilih oleh penyair ASAS 50 ialah manusia yang dikepong oleh zaman dan keadaan. Oleh yang demikian, di dalam definisi yang luas puisi ASAS 50 tepat sekali ditempatkan di dalam puisi kemanusiaan dan membawakan kesedaran kemanusiaan.

Perkembangan sajak sejak tahun 1934 sehingga kini telah berjaya melahirkan ramai golongan penulis sajak yang berwibawa dan berkarisma tinggi. Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh masa tersebut turut melahirkan ramai penulis baru yang bersama-sama memeriahkan lagi dunia penulisan sajak negara. Peranan dan kepentingan sajak kepada masyarakat Melayu tidak pernah terhakis ditelan zaman. Malah sajak merupakan salah satu bidang sastera yang amat diminati ramai sehingga kini.

Negeri Terengganu Darul Iman, sebuah negeri yang terletak di pantai timur tidak pernah ketinggalan dalam melahirkan golongan penulis sajak yang terkenal di peringkat negara dan di rantau Asia. Antaranya ialah J.M. Aziz dan T. Alias Taib (kini Allahyarham). Keunikan dan keindahan sajak-sajak mereka diminati dan meninggalkan kesan positif kepada para pembaca.

Penyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk melihat secara khusus nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib. Kajian ini penting disebabkan beberapa faktor. Pertama, J.M. Aziz dan T. Alias Taib merupakan Penyair-penyair Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA) yang telah berjaya menempatkan diri di persada dunia sajak tanah air.

Kedua, Sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib yang dihasilkan dalam tahun-tahun 1960-an hingga 1980-an dikatakan antara karya mereka yang terbaik. Penggunaan imaginasi, persepsi, sensitiviti serta pengalaman hidup membolehkan kedua-dua penyair ini menghasilkan sajak-sajak yang bermutu tinggi.

Ketiga, Sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib yang dihasilkan dalam tahun 1960-an hingga 1980-an dikatakan sebagai antara karya mereka yang terbaik. Menurut Kamaruzzaman Abd. Kadir (Dharmawijaya):

Kekuatan sajak-sajak mereka terbukti dari kejayaan T. Alias Taib dan J.M. Aziz pernah memenangi Hadiah Sastera di dalam bidang puisi. (1986: 7)

Keempat, Kennedy X.J, dan Dana Gioia (1995) berpendapat pengarang itu penting kerana dia berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakatnya. Sehubungan itu, sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib tahun 1960-an hingga tahun 1980-an dijadikan garis panduan untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan penyair.

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji berhasrat untuk menjalankan satu penyelidikan dan kajian secara khusus terhadap sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib.

Objektif Kajian

Terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong kuat untuk mengkaji dan memperlihatkan sajak-sajak dua orang penyair terkenal Terengganu iaitu J.M. Aziz dan T. Alias Taib dari sudut nilai-nilai kemanusiaan. Antaranya ialah seperti berikut.

- i. Mengetahui nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib yang dihasilkan dalam tahun 1960-an hingga 1980-an.

- ii. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan pernyataan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak kedua-dua penyair tersebut sebagai didikan moral kepada masyarakat.

Pembatasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada dua buah buku sajak ciptaan J.M. Aziz dan T. Alias Taib terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Hanya sebuah buku sajak setiap penyair yang akan dikaji, diperhalusi dan dibincangkan dalam kajian ini. Buku-buku tersebut ialah "Derita Seorang Seniman" karya J.M. Aziz dan "Pemburu Kota" karya T. Alias Taib.

Sajak-sajak yang dikaji adalah dalam tempoh masa dari tahun 1960-an hingga tahun 1980-an. Terdapat sebanyak 143 buah sajak yang dimuatkan dalam dua buah buku sajak yang dinyatakan di atas. Sebahagian sajak ini akan diteliti dan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung di dalamnya akan dibicarakan secara lebih mendalam.

Buku sajak "Derita Seorang Seniman" yang menghimpunkan sajak-sajak J.M. Aziz telah diselenggarakan oleh Wahba. Buku ini menjadi pilihan pengkaji kerana di dalamnya menghimpunkan sajak-sajak daripada pelbagai

buku sajak J.M. Aziz yang dihasilkan sebelum ini. Antaranya buku “Pengantin Laut”, “Angin Dan Badai” dan “Puisi-puisi Hijau”.

Selain itu, buku “Derita Seorang Seniman” mengandungi sajak-sajak yang memperlihatkan kreativiti dan imaginasi tinggi yang dimiliki oleh J.M. Aziz. Tidak keterlaluan jika dikatakan sajak-sajak yang terdapat di dalamnya menceritakan luahan hati J.M. Aziz tentang pengalaman hidup beliau sejak zaman kanak-kanak sehingga tua.

Buku-buku sajak J.M. Aziz yang lain iaitu “Pengantin Laut (1976)”, “Kembang Selaut (1988)” dan “Sejengkal Kail(1993)” tidak dipilih kerana kebanyakan sajak-sajak yang dihasilkan oleh beliau tertumpu kepada dunia nelayan dan lautan. Buku “Derita Seorang Seniman” berbeza daripada buku-buku sajak di atas kerana buku tersebut membicarakan pelbagai persoalan seperti dunia nelayan, lautan, sosial, ekonomi, politik dan kesejagatan yang kaya nilai-nilai kemanusiaan.

Buku sajak “Pemburu Kota” karya T. Alias Taib menjadi pilihan pengkaji kerana buku ini memiliki kelainan berbanding buku-buku beliau yang lain. Kelainan yang ketara ialah buku “Pemburu Kota” menghimpunkan segala luahan rasa penyair ketika berada di negeri kelahiran iaitu Terengganu Darul Iman dan ketika berada di kota raya Kuala Lumpur.

Membaca buku sajak “Pemburu Kota”, pengkaji dapat merasai dan menghayati dua kehidupan yang berbeza. Pertama, kehidupan penyair dan masyarakat di Kuala Terengganu pada masa lampau. Kedua, kehidupan dan cabaran penyair tinggal di kota raya Kuala Lumpur yang penuh dugaan.

Buku-buku sajak T.Alias Taib yang lain “Laut Tak Biru di Seberang Takir (1972)”, “Seberkas Kunci (1985)”, “Opera (1988)”, “Piramid (1990)” dan “Petang Condong (1996)” tidak dipilih kerana buku-buku tersebut membicarakan permasalahan manusia di kota raya sahaja. Tidak seperti “Pemburu Kota” yang membicarakan permasalahan manusia di kota dan di kampung.

Pemilihan J.M. Aziz dan T. Alias Taib sebagai penyair yang dikaji dalam tesis ini adalah berdasarkan kepada beberapa sebab. Pertama, J.M. Aziz dan T. Alias Taib merupakan dua orang penyair Terengganu veteran yang terus berkarya sejak mula pembabitan mereka sehingga kini. Ramai penyair seangkatan mereka sudah berhenti dan meninggalkan bidang tersebut tetapi mereka tidak. J.M. Aziz mula berkarya pada tahun 1950-an. Manakala T.Alias Taib pada tahun 1960-an. Mereka merupakan penyair yang bersemangat tinggi dan berdisiplin dalam penciptaan sajak.

Kedua, J.M. Aziz dan T. Alias Taib merupakan tokoh penyair negara yang pernah menerima pelbagai kejayaan dan anugerah. Anugerah ini membuktikan sajak-sajak mereka diiktiraf di peringkat negeri dan negara. J.M. Aziz pernah menerima Anugerah Tokoh Penyair Terengganu 1987, Tokoh Orang Cacat 1988, Anugerah Budaya Negeri Terengganu 1989, Anugerah Persatuan Penulis Nasional Malaysia 1990 dan sebagainya.

T. Alias Taib pula tidak asing lagi dalam hadiah sayembara sastera negara. Antara kejayaan beliau ialah Hadiah Karya Sastera 1975 dan 1976, Hadiah Sastera Malaysia 1986/1987, 1988/1989, 1990/1991, Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/1997, Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1998/1999 dan Hadiah Sastera Utusan Melayu Public Bank 1987, 1990, 1991, 1993 dan 1999.

Ketiga, J.M. Aziz merupakan seorang penyair yang istimewa. Walaupun cacat beliau mampu menghasilkan sajak-sajak yang bermutu dan penuh mesej. Ini dapat dibuktikan melalui pendapat Wahba seperti di bawah.

J.M. Aziz memperlihatkan satu keistimewaan dalam kepuisiannya. Dia terlalu istimewa dalam semua bidang. Dengan kecacatannya Dia masih lagi dapat menghidup sungai, pantai, laut, ikan dan Perahu dan masih dapat merasai kemakmuran minyak yang terhasil dari bumi Terengganu. (1991:107)

Keempat, T. Alias Taib merupakan penyair yang aktif melibatkan diri dalam memartabatkan sastera di peringkat antarabangsa. Beliau pernah mewakili negara ke Persidangan Seoul Asian Poets di Seoul, Korea Selatan pada tahun 1986. Pada tahun 1989, beliau menyertai delegasi PENA ke Paris, London dan Frankfurt. Pada tahun 2000, beliau menyertai delegasi GAPENA ke Pontianak, Indonesia dan Pulau Daik-Lingga.

Kaedah Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah penelitian kepustakaan akan dilaksanakan di beberapa tempat yang bertujuan untuk memulakan kajian di peringkat pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan dengan sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib . Sumber-sumber yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku-buku, jurnal, majalah, surat khabar, kertas kerja, laman web dan tesis.

Antara tempat-tempat yang menjadi pilihan pengkaji untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah penelitian kepustakaan ialah:

- i Perpustakaan Universiti Putra Malaysia.

- ii Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- lii Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- iv Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka
- v Perpustakaan Awam Kuala Terengganu.
- vi Perpustakaan Awam Kuala Berang, Terengganu.
- vii Perpustakaan Awam Marang, Terengganu.
- viii Perpustakaan Maktab Perguruan Batu Rakit , Kuala Terengganu.
- ix Pusat Kegiatan Guru Bukit Payung, Terengganu.

Konsep Nilai

Sharifah Alwiah Alsagoff (1987:74) berpendapat `nilai' merupakan idea-idea yang dikongsi oleh sesuatu masyarakat tentang apa yang baik, betul dan dikehendaki. Kamaruddin Hj Husin (1988:3) pula berpendapat karya sastera memiliki unsur-unsur yang tersirat. Ia bukan hiburan semata-mata tetapi lebih membicarakan tentang pendidikan moral. Sastera dianggap sebagai alat untuk menyerapkan nilai-nilai moral bagi mengukir manusia yang berbudi pekerti.

Selain daripada pengertian-pengertian yang diberikan di atas, seorang tokoh ilmiah Indonesia iaitu Soerjono Soekonto pula mendefinisikan nilai sebagai :

"Nilai merupakan konsepsi-konsepsi abstrak dalam diri manusia tentang apa yang baik dan apa yang buruk. Sistem nilai tersebut tumbuh hasil daripada pengalaman manusia di dalam mewujudkan interaksi sosial."
(1982: 60)

Hashim Awang (1984:25) membincangkan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan di dalam kesusasteraan pula menjelaskan bahawa isi pelajaran sastera, baik dari genre apa sekalipun, pastikan membicarakan tentang nilai-nilai masyarakat dan kemanusiaan yang merupakan aspek isi falsafah sosial.

Manakala Rogayah Hamid (1989: 78) mengatakan bahawa dalam sastera pembicaraan tidak lari daripada tiga aspek utama iaitu seni, moral dan sosial. Di samping itu, karya sastera tersebut perlu mengandungi falsafah dan moral yang diadun dengan bahasa halus. Tanpa faktor-faktor ini, sesebuah karya sastera akan kering tanpa nilai.